

Buku agama keluaran NBD dapat perhatian dunia

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillahir Rahmanir Rahim

SAYA sangat bahagia pada hari ini kerana dapat bersama-sama hadir di dalam satu majlis yang amat berkebahagian : Majlis Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi bagi Daerah Temburong. Majlis serupa telah kita adakan pada 10 April, 2021 di Darullfta, Bandar Seri Begawan. Dalam majlis itu kita selajurkan juga melancarkan buku bertajuk : **Sembahyang Menggunakan Kerusi : Cara-Caranya**.

Buku ini sangat mendapat sambutan daripada masyarakat, sehingga hanya dalam beberapa hari ia sudah habis dijual, dan pada hari ini alhamdulillah kita dapat pula menatap cetakan kedua dalam bentuk sedikit baharu.

Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri beranggapan, bengkel dan buku ini sangat mustahak diadakan, memandangkan ia bertujuan untuk memperbaiki ibadat sembahyang bagi mereka yang memerlukan. Sembahyang menggunakan kerusi sudah jadi lumrah pada masa ini.

Sudah tentu, bila disebut kerusi adalah ia tempat duduk. Jadi orang memahamkan sembahyang menggunakan kerusi adalah sembahyang duduk di atas kerusi. Memang tidak salah pemahaman itu, tetapi perlu diingat, duduk sembahyang di atas kerusi ada cara-caranya mengikut keadaan orang yang duduk itu. Bukan mesti terus duduk sepanjang-panjang sembahyang, dari Takbiratul Ithram sampai salam terus duduk.

Hendaklah dilihat keadaan orang sembahyang itu. Kalau di luar sembahyang dia mampu berdiri malah mampu berjalan, hanya sakit belakang jika tunduk ruku', maka

dia tidak boleh angkat Takbiratul Ithram sambil duduk. Dia mesti angkat Takbiratul Ithram dalam keadaan dia berdiri. Membaca Fatihah, membaca ayat juga dalam keadaan berdiri. Nanti bila hendak ruku', kerana dia tidak dapat tunduk ruku' sambil berdiri kerana sakit belakang, maka barulah dia boleh duduk di kerusi dan ruku' di atas kerusi. Begitulah seterusnya, sujud juga adalah di atas kerusi. Duduk di antara dua sujud juga di atas kerusi. Kemudian selesai semua itu, tiba untuk *qiam* (berdiri) masuk ke rakaat kedua, maka terus saja berdiri dan membaca Fatihah dan ayat juga berdiri.

Lain-lain cara seterusnya ada diterangkan dalam buku. Saya yakin, ramai lagi orang berhajat untuk memiliki buku ini.

Setahu saya dan rakan-rakan di Jabatan Mufti, kami belum pernah berjumpa buku seperti ini di pasaran. Kerana itu, kalau di luar pun, buku ini mungkin juga laku. Pengalaman Jabatan Mufti, jika kita membawa buku-buku keluar, terbitan Jabatan Mufti ke Ekspo-Ekspo Buku Antarabangsa, biasanya buku-buku kita itu sangat laris, terutama buku fatwa. Pernah saya diberitahu, ada orang pernah membeli buku-buku kita di Ekspo-Ekspo Antarabangsa secara borong, sehingga terus kehabisan. Anehnya orang membeli itu orang putih dari sebuah negara besar. Bila diberitahu buku-buku yang dibelinya itu semuanya dalam bahasa Melayu, dia menjawab : *"Kami tahu. Kami memang mencari dan berhajat kepada buku-buku dari Brunei"*.

Pengalaman ini saya sifatkan sebagai tidak pernah diduga dan malah luar biasa. Tetapi itulah hakikat : Hakikat yang menggembirakan bahkan membanggakan bahawa buku-buku agama keluaran Negara Brunei Darussalam turut mendapat

perhatian dunia.

Secara khusus, saya dan jabatan memuji orang-orang kita Brunei kerana berminat dan menghargai buku-buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan. Bila ada buku baru terbit, tidak lama, akan menyusul pula cetakan kedua, ketiga dan seterusnya. Setakat ini, terdapat buku terbitan Jabatan Mufti Kerajaan yang telah diulang cetak sebanyak sembilan kali. Buku ini laris di dalam dan di luar negara. Dan ada pihak dari luar negara yang pernah meminta kebenaran untuk menggunakan buku ini sebagai buku teks di masjid. Saya tidak keberatan sebagai sumbangan keilmuan negara kita kepada umat Islam di mana sahaja yang ingin memanfaatkannya.

Saya melihat, masa depan buku-buku agama adalah terus cerah. Walaupun kemajuan teknologi dapat melahirkan kemudahan-kemudahan bagi mendapatkan bahan-bahan bacaan seperti internet, namun peranan buku untuk mengasah dan memperkaya minda dengan ilmu adalah tidak boleh dilemahkan oleh sebarang alat lain termasuk internet. Membaca buku tetap berbeza dengan melayari internet. Membaca buku tidak dibatasi oleh sebarang tempat dan waktu, di mana sahaja, dan waktu apa pun, kita tetap boleh membaca buku. Di atas kerusi, di tempat tidur, dalam kapal terbang, kereta api, kapal laut dan sebagainya, kita boleh saja membaca, berbanding melayari internet.

Itulah kelebihan buku. Saudara dalam penerbangan dari Bandar Seri Begawan ke London, sebuah buku yang mengandungi 300 muka surat, boleh habis dibaca. Bayangkan buku 300 muka surat dituang masuk ke dalam minda saudara, betapa kayanya minda yang seperti itu?



MUFTI Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned semasa berucap pada Majlis Pembukaan Bengkel Sembahyang Menggunakan Kerusi pada 18 Zulkaedah 1442 Hijrah bersamaan 29 Jun 2021 Masihi di Bangunan Program Khidmat Bakti Negara, Daerah Temburong.





Istimewa, jika buku itu buku agama, yang terdapat di dalamnya ayat-ayat Al-Quran, hadits-hadits, aqwal ulama dan pelbagai pemikiran bernas, boleh saja menjadi suluh kehidupan, yang tiada ternilai harganya.

Maka demi pentingnya buku, dapatlah saya tegaskan di sini, insyaaAllah, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri akan terus berusaha dari semasa ke semasa untuk lebih aktif menerbitkan buku-buku agama yang diperlukan oleh masyarakat.

Akhirnya saya mengambil peluang merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Pengiran Pemangku Pegawai Daerah yang mengambil inisiatif mengadakan bengkel ini untuk umat Islam di Daerah Temburong, semoga Allah memberi ganjaran kepada beliau. Amin.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	ZULKAEDAHIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
3	SABTU	22	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.36	7.52
4	AHAD	23	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
5	ISNIN	24	4.38	4.48	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
6	SELASA	25	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.51	6.37	7.52
7	RABU	26	4.39	4.49	6.13	6.37	12.26	3.52	6.37	7.52
8	KHAMIS	27	4.39	4.49	6.14	6.38	12.26	3.52	6.37	7.52
9	JUMAAT	28	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan 32 24 °C	32 24 °C	30 25 °C	
Pekan Bangar 32 23 °C	32 23 °C	30 24 °C	
Pekan Tutong 32 24 °C	32 25 °C	30 25 °C	
Kuala Belait 32 23 °C	32 24 °C	31 24 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 3 JULAI 2021

JPA terus aktif meningkatkan mutu perkhidmatan

JABATAN Perkhidmatan Awam (JPA) baru-baru ini telah melakar sejarah apabila menyambut ulang tahun penubuhannya ke-50, yang jatuh pada tanggal 1 Julai 2021. Dalam tempoh lima dekad tersebut JPA telah mencapai berbagai-bagai perkembangan, khususnya dalam peranannya sebagai jentera penggerak Perkhidmatan Awam (PA).

Di samping itu, JPA juga akan terus memainkan peranan aktif dan berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dalam pengurusan, perancangan dan pembangunan sumber manusia yang mampan, yang dapat memberikan impak positif kepada agensi-agensi kerajaan dan seluruh warga PA di negara ini.

Perkara tersebut antara lain dinyatakan oleh Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Noorfazil bin Othman semasa ucapan alu-aluannya pada Majlis Sambutan Jubli Emas JPA baru-baru ini.

Beliau turut melahirkan penghargaan dengan menyatakan mengimbas kembali kejayaan yang diraih, sudah pastinya kejayaan tersebut adalah kesinambungan hasil usaha dan teraju kepimpinan mantan-mantan Ketua Pengarah JPA dan keringat bakti warga JPA dari dahulu sehingga sekarang yang turut sama-sama berganding bahu demi untuk meningkatkan lagi kecemerlangan JPA.

Jelas beliau lagi, kewujudan dan kerelevanan JPA sehingga ke hari ini adalah hasil jerih payah dan keringat bakti mantan-mantan yang telah dicurahkan kepada perkembangan dan kemajuan JPA.

Bersempena Majlis Sambutan Jubli Emas JPA tersebut juga turut diadakan Hari Pelanggan JPA yang dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari pada waktu bekerja sehingga 5 Julai ini, bertempat di Lobi Bangunan JPA, Jalan Kumbang Pasang dan ia dibukakan juga kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Hari Pelanggan tersebut bertujuan untuk mengetengahkan dan menyebarkan lagi peranan, tanggungjawab dan usaha-usaha berterusan JPA untuk meningkatkan kecemerlangan PA dan pada masa yang sama, memperkenalkan Pelan Strategik JPA, 2021-2025.

Bersempena Sambutan Jubli Emas tersebut juga, JPA turut mengungayahkan beberapa aktiviti dan acara termasuk Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Majlis Khatam Al-Quran, Sembahyang Fardu Asar Berjemaah serta Doa Selamat dan Infaq Mushaf Al-Quran Brunei kepada penuntut-penuntut Universiti Islam Sultan Ali (UNISSA) dan juga akan mengadakan taklimat bagi pegawai dan kakitangan yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia.

Semoga dengan usia penubuhannya yang sudah menjangkau 50 tahun ini, JPA dihasratkan akan terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang bagi menerajui jentera PA. - **Ketua Penyuntingan (Rd)**

MANFAATKAN SSM KE ARAH PENGURUSAN CEMERLANG, BERSISTEMATIK

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memainkan peranan yang amat penting dalam dua aspek, iaitu berperanan sebagai agensi utama dalam perancangan, pengurusan dan pembangunan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam.



JPA juga sebagai jentera penggerak kerajaan dalam membangun negara bagi kesejahteraan rakyat sepertimana juga titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-26 pada 12 November 2019.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud menjelaskan perkara demikian pada Majlis Sambutan Jubli Emas JPA yang berlangsung di bangunan tersebut, di Jalan Kumbang

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menyampaikan Anugerah Pekerja Cemerlang kepada penerima.

Pasang, di sini.

Yang Berhormat dalam ucapannya juga menekankan bahawa JPA diberi mandat untuk memastikan semua penjawat awam dilengkapi dengan kemahiran dan ciri-ciri Rukun Akhlak dan Etika Kerja Perkhidmatan Awam agar dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada pihak-pihak yang berkepentingan.

Di samping itu, tegas Yang Berhormat, JPA juga merupakan agensi yang bertanggungjawab untuk melahirkan pemimpin-pemimpin yang menjadi tulang kerajaan.

"Saya percaya program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP) yang dilaksanakan oleh JPA menunjukkan kesan dalam mengenal pasti dan memupuk pemimpin di semua peringkat, sama ada daripada peringkat permulaan kerjaya mahupun di peringkat pertengahan dan kanan melalui program-program

berkenaan.

"Selain itu, bagi memastikan penyaluran penjawat-penjawat awam yang berpotensi, profesional dan berkepercayaan untuk menjawat jawatan-jawatan utama, pelbagai program dikukuhkan oleh pihak JPA seperti pemantauan rancangan penggantian (*succession planning*) dan sebagainya," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga menyatakan bahawa pihak JPM juga menghargai usaha JPA dalam memperkukuhkan sistem pengurusan sumber manusia dalam talian dengan mewujudkan Sistem Sumber Manusia (SSM) yang mula digunakan pada 22 April 2021 yang lalu.

Sistem tersebut diharap akan dapat mempertingkatkan efisiensi dan produktiviti serta pengurusan kerja Perkhidmatan Awam secara menyeluruh ke arah yang lebih cemerlang dan bersistematis.

>> Muka 12

JPA akan terus meningkatkan mutu perkhidmatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 1 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selaku *lead agency* dan jentera penggerak Perkhidmatan Awam akan terus memainkan peranan yang aktif dan berusaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dalam pengurusan, perancangan dan pembangunan sumber manusia yang mampan, yang dapat memberikan impak positif kepada agensi-agensi kerajaan dan seluruh warga Perkhidmatan Awam di negara ini.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Dr. Noorfarizal bin Othman dalam ucapan alu-aluannya juga melahirkan penghargaan dengan menyatakan mengimbas kembali kejayaan yang diraih, sudah pastinya kejayaan tersebut adalah kesinambungan hasil usaha dan teraju kepimpinan mantan-mantan Ketua Pengarah JPA dan keringat bakti warga JPA dari dahulu sehingga sekarang yang turut sama-sama berganding bahu demi untuk meningkatkan lagi kecemerlangan JPA.

"Peramba / kaola / saya dengan tulus ikhlas merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat / Yang Dimuliakan Pehin / Yang Mulia Dato / Tuan Haji mantan-mantan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam di atas hasil usaha dan teraju kepimpinan yang ditunjukkan semasa menerajui JPA.

"Sesungguhnya kewujudan dan



kerelevanan JPA sehingga ke hari ini adalah hasil jerih payah dan keringat bakti yang *abis* Pehin / Dato / Tuan Haji curahkan kepada perkembangan dan kemajuan JPA," jelasnya pada Majlis Sambutan Jubli Emas JPA, yang berlangsung di Bangunan JPA, Jalan Kumbang Pasang, di sini.

Terdahulu, Dr. Noorfarizal menjelaskan, tanggal 1 Julai 2021, JPA mencipta satu lipatan sejarah dengan menyambut ulang tahun penubuhannya yang ke-50 dengan mengadakan Majlis Sambutan Jubli Emas JPA bagi mengimbas kembali segala sumbangan dan

pencapaian yang dicapai oleh jabatan ini di sepanjang tempoh 50 tahun penubuhannya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat juga menyempurnakan penyampaian Anugerah Pekerja Cemerlang JPA 2020, Anugerah Penghargaan Khas JPA 2020 kepada para penerima serta pesara-pesara yang bersara pada tahun lalu.

Bersempena dengan sambutan kali ini, Yang Berhormat juga melancarkan Galeri 50 Tahun Penubuhan JPA yang mempamerkan koleksi gambar-gambar lama mengenai aktiviti dan pencapaian jabatan sepanjang perjalanan penubuhan 50 tahun daripada mula ditubuhkan sebagai Bahagian Perjawatan ke Pejabat Perjawatan sehingga menjadi JPA serta sejarah sejak ia mula ditubuhkan.

Selain latar belakang JPA dan peranan serta tanggungjawabnya, galeri berkenaan turut memaparkan perkembangan sistem-sistem pengurusan sumber manusia Perkhidmatan Awam, antaranya SIMAK, iaitu Sistem Maklumat Kakitangan yang mula digunakan pada tahun 1983.

Manakala SIMPA pula adalah



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semasa menyaksikan pameran yang diadakan (atas), manakala gambar kiri, Yang Berhormat semasa menanam kapsul masa (*time capsule*) di kawasan pekarangan taman Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Sistem Maklumat Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan untuk membantu dan memodenkan fungsi utama pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan JPA melalui Projek Y2K.

Government Employee Management System (GEMS) diwujudkan untuk diguna pakai oleh semua agensi kerajaan dan JPA diamanahkan untuk menjadi *lead agency* dalam mengendalikan projek tersebut.

Manakala terkini, Sistem Sumber Manusia (SSM) bagi menggantikan sistem GEMS sepenuhnya dan SSM merupakan projek di bawah Fiscal Consolidation Programme yang mengintegrasikan daripada dua sistem, iaitu GEMS dan Government Payroll System (GPS).

Objektif pengintegrasian tersebut adalah untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan, mengelakkan duplikasi proses dan mengendalikan pemberian perkhidmatan pengurusan sumber tenaga manusia secara dalam talian (*online services*).

Yang Berhormat juga melancarkan Hari Pelanggan JPA yang dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari pada waktu bekerja sehingga 5 Julai ini, bertempat di Lobi Bangunan JPA dan ia dibukakan juga kepada Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Hari Pelanggan ini juga bertujuan untuk mengetengahkan

dan menyebarkan lagi peranan, tanggungjawab dan usaha-usaha berterusan JPA untuk meningkatkan kecemerlangan Perkhidmatan Awam dan pada masa yang sama, memperkenalkan Pelan Strategik JPA, 2021-2025.

Sambutan Jubli Emas JPA kali ini juga diselenggarakan dengan acara penanaman pokok dan kapsul masa (*time capsule*) di kawasan pekarangan taman JPA yang disempurnakan oleh Yang Berhormat.

Kapsul tersebut memuatkan mesej-mesej daripada barisan pemimpin JPM dan JPA serta beberapa dokumen penting seperti Buku Pelan Strategik JPA bagi tahun 2021-2025. Ia dijangka akan dibuka semula dalam masa 10 tahun dari sekarang bersempena Sambutan Jubli Intan 60 tahun penubuhan JPA nanti.

Bersempena Sambutan Jubli Emas ini, JPA juga mengukuhkan beberapa aktiviti dan acara termasuk Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Majlis Khatam Al-Quran, Sembahyang Fardu Asar Berjamaah serta Doa Selamat dan Infaq Mushaf Al-Quran Brunei kepada penuntut-penuntut Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga akan mengadakan taklimat bagi pegawai dan kakitangan yang mengendalikan hal ehwal pentadbiran dan sumber manusia.



YANG Berhormat semasa menyaksikan Galeri 50 Tahun Penubuhan JPA.